

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN]**

TARIKH : 17 JUN 2015 (RABU)

SOALAN : Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [Dungun] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan kajian yang telah dibuat bagi menjadikan sungai sebagai sumber hasil akuakultur dalam memajukan industri ternak air negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Ternakan ikan sangkar di dalam sungai telah dikenalpasti sebagai salah satu kaedah yang mampu meningkatkan pengeluaran ikan negara dan memberi pulangan lumayan kepada penternak. Ikan-ikan utama yang diternak adalah ikan patin, tilapia dan siakap.

Beberapa faktor perlu diberi perhatian sebelum menjalankan aktiviti akuakultur seperti ternakan ikan sangkar. Diantara faktor-faktor yang perlu diambilkira ialah kualiti air, kedalaman sungai, kelajuan arus dan faktor-faktor lain seperti kekerapan banjir. Walau bagaimanapun, dimaklumkan bahawa kebanyakan sungai-sungai di Negara ini adalah sesuai bagi menjalankan aktiviti akuakultur.

Kementerian Pertanian Malaysia dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia turut menyediakan perkhidmatan khidmat nasihat dan teknikal seperti kajian kesesuaian kawasan kepada kumpulan sasar yang berminat untuk menjalankan aktiviti akuakultur.